

# Kelebihan Perlindungan, Takaful

## Bersedia hadapi musibah, membantu meringankan beban

Dalam kehidupan seharian tanpa disedari kita sentiasa terdedah kepada pelbagai risiko serta kemungkinan ditimpa musibah seperti sakit, kemalangan, kerosakan kereta dan kematian.

Apabila menghadapi situasi sedemikian tiada lain yang dapat mengurangkan bebanan kewangan terutama kos perubatan, kos membaiki kenderaan dan segala macam perbelanjaan melainkan kita telah 'menyediakan payung sebelum hujan' iaitu simpanan atau pelan kecemasan.

Bayangkan situasi ini. Kereta tiba-tiba rosak dan perlu dibaiki, anak pula jatuh sakit dan dimasukkan ke hospital. Semuanya memerlukan wang dan biaya yang bukan sedikit. Mujur ada sedikit wang simpanan di bank, dapat juga digunakan untuk menyelesaikan segala pembayaran dan masalah kewangan yang ditanggung. Persoalannya adakah ia mencukupi?

Apa akan terjadi sekiranya anda ditimpa penyakit kritikal dan rawatan susulan diperlukan sedangkan wang simpanan semakin susut. Buntu memikirkan kos perubatan yang tinggi sedangkan wang yang ada tidak mencukupi. Ketika ini anda mula terfikir untuk memohon bantuan

**“**Takaful penting untuk menyara mereka yang akan kita tinggalkan agar tidak meminta-minta. Dengan adanya takaful, dapat menampung keperluan masa hadapan, misalnya pendidikan anak-anak.

daripada pelbagai pihak seperti zakat dan sebagainya, namun prosesnya memakan masa dan perlu mengikut prosedur tertentu. Wang anda di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) boleh dikeluarkan untuk penyaraan rawatan penyakit, tetapi itu akan mengurangkan pula simpanan hari tua anda nanti.

Begini juga dengan keperluan untuk menampung kos pendidikan untuk melanjutkan pembelajaran anak-anak ke peringkat yang lebih tinggi, tidak kira sama ada di dalam atau luar negara, semuanya memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Sudah pasti perancangan kewangan yang betul perlu dilakukan dengan lebih awal untuk menampung segala keperluan perbelanjaan ini.

Pernahkah anda dengar tentang takaful? Apakah yang dimaksudkan

dengan perlindungan takaful? Takaful merupakan pemuaafakatan sekumpulan individu untuk saling menjamin dan membantu antara satu sama lain bagi memenuhi keperluan tertentu yang dipersetujui dari kalangan mereka seperti pampasan bagi sesuatu musibah yang menimpa serta keperluan kewangan lain. Permuafakatan ini melibatkan sumbangan wang caruman berdasarkan konsep Tabarru' (pemberian secara sukarela) oleh kesemua peserta takaful.

Keperluan dan kepentingan mempunyai perlindungan takaful tidak dapat disangkal lagi. Takaful penting untuk menyara mereka yang akan kita tinggalkan agar tidak meminta-minta apabila ketidaaan kita kelak. Dengan adanya takaful, pelan perlindungan ini dapat menampung



keperluan masa hadapan, misalnya perbelanjaan untuk menyara keluarga, perbelanjaan perubatan serta pendidikan anak-anak.

Ramai yang tidak menyedari bahawa Takaful turut mampu menyelesaikan masalah hutang setelah berlaku kematian. Keluarga akan dapat menggunakan manfaat takaful bagi menyelesaikan masalah hutang yang ditinggalkan melalui jumlah perlindungan. Kehidupan insan tersayang tentunya akan lebih terbaik apabila mereka tidak lagi menanggung masalah kewangan selepas ketidaaan kita kelak.

Persediaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang akan menjaskan kehidupan dapat membantu kita menguruskan kewangan dengan lebih baik. Dengan peningkatan kos sara hidup, amatlah penting untuk memiliki pelan perlindungan yang komprehensif dan menawarkan pelbagai manfaat seperti pelan perlindungan takaful.